

21/07/2000

Tiada ahli Umno sertai Al-Ma'unah: Khalil

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Tiada ahli Umno di kalangan kira-kira 1,800 anggota Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah).

Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata maklum balas yang diterima setakat ini menunjukkan anggota kumpulan pelampau itu bukan daripada ahli parti itu.

"Tidak ada ahli Umno terbabit dengan kumpulan ini walaupun ramai yang menyertai persatuan silat lain kerana ia adalah satu bentuk sukan, budaya dan seni yang diikuti ramai orang Melayu.

"Malah jika ada badan tertentu yang merancang menjatuhkan kerajaan, sudah tentu saya percaya ia tidak membabitkan orang Umno kerana Umno adalah parti yang mempertahankan kerajaan," katanya selepas merasmikan gerbang hiburan MCities.Com Sdn Bhd di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata di Alor Star, kebanyakan daripada 1,800 anggota kumpulan Al-Ma'unah adalah ahli Pas.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, kementeriannya kini menjalankan penerangan di seluruh negara terutama bagi memperbetulkan dakwaan pembangkang konon Umno membuat sandiwara rompak senjata tentera di Perak, awal bulan ini.

"Pihak pembangkang seolah-olah ingin melihat peristiwa itu sebagai ciptaan Umno. Ini kita nak perbetulkan dulu, supaya kalau rakyat nak menilai sekalipun, biarlah kita melihat bagaimana peristiwa ini berlaku.

"Kita tidak mahu ada pihak mengelirukan orang ramai dengan mengatakan tak perlu dengar penjelasan kerajaan kerana ia konon hanya satu sandiwara Umno. Ini soal keselamatan negara yang tidak seharusnya dipermainkan pembangkang," katanya.

Beliau berkata, semua pihak termasuk pembangkang perlu melihat peristiwa itu secara rasional kerana ia masalah keselamatan yang boleh mengancam negara dan keharmonian rakyat pelbagai kaum.

Katanya, maklum balas yang diterima mendapati ramai rakyat mengikuti penjelasan Perdana Menteri malam tadi kerana ingin mengetahui perkara sebenar yang berlaku kerana ia membabitkan soal keselamatan negara.

"Sudah tentu rakyat ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perancangan sebenar golongan itu. Ini membabitkan kita semua kerana tanpa jaminan keselamatan, negara tidak boleh berada dalam keadaan aman.

"Saya percaya rakyat menyambut baik penjelasan Perdana Menteri kerana secara terbuka, beliau mendedahkan hakikat sebenar peristiwa itu berlaku dan niat golongan ini yang ingin menjatuhkan kerajaan secara kekerasan," katanya.

Khalil juga berharap pembangkang jangan lagi mengaitkan peristiwa itu sebagai sandiwara Umno tanpa mengetahui kedudukan serta latar belakang sebenar, terus melemparkan tuduhan seumpama itu.

"Hanya di Malaysia saja, saya rasa mereka boleh berbuat demikian. Kalau di negara-negara luar, masalah yang menimbulkan keselamatan, dipandang serius," katanya.

(END)